

# Muka baharu terajui kepimpinan mahasiswa UMS

DE 2. II. 13 7

JUMAAT: Pilihanraya kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dilakukan secara serentak di Kampus Induk dan cawangannya berlangsung dengan aman tanpa sebarang kekecohan selama proses pembuangan undi.

Proses pengundian yang bermula seawal 8.05 pagi sehingga 5.05 petang menyaksikan seramai 20 calon muka baharu bertanding untuk merebut 10 Kerusi Umum yang dipertandingkan dengan pecahan tujuh kerusi di Kampus Induk, dua di Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) dan satu di Sandakan.

Pelajar Tahun 3 program Keusahawanan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Nurafizah Ahmad Marif mendahului senarai calon apabila berjaya meraih undian terbanyak, 2150 undi.

Tiga lagi calon wanita mengekori jejak beliau apabila turut memenangi Kerusi Umum di Kampus Induk. Mereka ialah Nurlina Arappe (1573), Shelly Arba'ani (1695) dan Noorhazana Samsuddin (1482).

Manakala tiga lagi Kerusi Umum dimenangi pelajar lelaki, Saripuddin Mappiasi (1946), Wong Tyan Tzu (1692) dan Fandyi Sanizan Jurup (1680).

Dua Kerusi umum KAL pula diisi oleh Md Najib Rubin dan Siti Zulaikha Meseri, dan kerusi Kampus Sandakan disandang Anwar Tawe yang mencatatkan kejayaan menang tanpa bertanding.

Bagi Kerusi Sekolah, sebanyak 28 kerusi dipertandingkan dengan setiap sekolah memperuntukkan dua kerusi.

Pengumuman keputusan telah disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shariff A.K Omang Al-Haj. – FMD